

SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

PROGRAM USAHAWAN LOGISTIK MUDA: INISIATIF PERINTIS MSM LOGISTICS KHAS UNTUK KOMUNITI FELDA

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR), MSM menyasarkan untuk meningkatkan jaminan pendapatan bagi generasi FELDA serta operasi logistik MSM.

KUALA LUMPUR, 12 Julai 2024 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara "Gula Prai", melalui cabang logistik dan anak syarikatnya, MSM Logistics Sdn Bhd hari ini melancarkan inisiatif pertamanya yang disesuaikan untuk generasi muda FELDA dikenali sebagai Program Usahawan Logistik Muda, dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA dan Yayasan FELDA.

Program ini menyasarkan untuk melantik 12 usahawan dalam tempoh 3 tahun di bawah perjanjian pajakan lori 5MT atau 10MT, menyediakan peserta yang terpilih dengan latihan komprehensif daripada pasukan pengurusan berpengalaman MSM. Usahawan yang berpotensi tinggi ini boleh memiliki sebuah lori selepas program selesai, penubuhan perusahaan yang stabil, dan menerima latihan dan pensijilan dalam pengurusan logistik perniagaan dan operasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata "Program ini bertujuan untuk membangunkan usahawan mikro sektor pengangkutan dalam kalangan belia FELDA, membolehkan mereka mencapai pendapatan terjamin antara RM5,000 hingga RM7,000 sebulan. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan pengedaran gula kepada pelanggan MSM (kedai kecil) melalui penggunaan trak bersaiz kecil dan sederhana. Pada masa ini, MSM menyediakan perkhidmatan penghantaran ke 161 pusat pengedaran yang terletak di seluruh Semenanjung Malaysia."

"Kami menyasarkan untuk memberi sumbangan kepada komuniti FELDA melalui penjana pendapatan sebanyak RM2 juta dalam tempoh tiga tahun untuk usahawan yang dilantik dan memastikan 20 peratus perkhidmatan logistik MSM datang daripada generasi FELDA. Inisiatif ini bertujuan untuk memupuk pemerksaan ekonomi dalam masyarakat sambil memanfaatkan perkongsian dengan Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA dan Yayasan Felda," tambahnya lagi.

MSM berhasrat untuk memupuk perkongsian jangka panjang dengan peserta, potensi pengembangan ke sektor selain daripada pengangkutan jalan raya. Kerjasama selanjutnya dengan Yayasan Felda bagi membangunkan program bersesuaian untuk memenuhi keperluan industri, seperti Pengurusan Rantai Bekalan, sekali gus meningkatkan keupayaan industri dan jaminan pendapatan atau masyarakat.

Tahun ini merupakan fasa pertama di mana 5 peserta telah dipilih selepas menjalani sesi temuduga. Fasa kedua dijadualkan bermula tahun depan di wilayah utara, diikuti wilayah selatan pada tahun berikutnya.

MSM Logistics pada masa ini menguruskan 42 aset sendiri dengan kekuatan 42 pemandu yang disokong oleh lebih daripada 350 trak setiap hari oleh logistik pihak ketiga (3PL), dan pakar dalam perkhidmatan trak antara negeri, jarak dekat dan jauh melalui pergerakan disewa dan berjadual yang mengedarkan gula dengan cekap kepada pelanggan MSM seluruh Malaysia.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara sepuluh penapisan terbaik di dunia. MSM ialah syarikat korporat ke-10 dan berasaskan makanan kedua di Malaysia yang komited terhadap inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi), usaha kerjasama yang melibatkan Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan inisiatif Net-Zero Ambition.

Sejak 18 Disember 2023, MSM disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah (F4GBMS), setelah meningkatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan FTSE Russell UK. Pertumbuhan MSM disokong oleh rangka kerja ESG yang mantap yang disepadukan sepenuhnya ke dalam perniagaan dan operasi. MSM terus menavigasi landskap pasaran yang dinamik dan mengejar laluan pertumbuhan strategik. Syarikat kekal teguh dalam komitmennya untuk menyampaikan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan, memacu kecemerlangan operasi, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2023, MSM mengeluarkan sebanyak 992,000 tan gula bertapis, di mana 242,077 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan

mempunyai modal pasaran sebanyak RM2.24 billion setakat 22 April 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com